

DIALEK MELAYU DI HULU KELANTAN: LAPORAN AWAL

(*Malay Dialect in Hulu Kelantan: A Preliminary Report*)

Mohd Tarmizi Hasrah

h.tarmizi@uum.edu.my

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Fsalsafah,
Kolej Sastera dan Sains,
Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah.

Terbit dalam talian (*published online*): 1 Disember 2018

Sila rujuk: Mohd Tarmizi Hasrah (2018). Dialek Melayu di Hulu Kelantan: Sebuah laporan awal. *Jurnal Bahasa* 18(2), 219-252.

Abstrak

Dialek Melayu Kelantan sering kali menghala ke arah satu ketetapan, iaitu dialek Melayu yang dituturkan di Kota Bharu dan kawasan berhampiran, atau yang secara umumnya boleh dikatakan sebagai kawasan hilir. Kesannya, sehingga kini tidak ada sebarang maklumat mengenai dialek yang dituturkan di kawasan hulu, khususnya kawasan yang berada dalam jajahan Gua Musang. Makalah ini bertujuan menilai perkara ini dengan menjadikan dialek Melayu yang dituturkan di Sungai Nenggiri, Hulu Kelantan, sebagai bahan kajian. Analisis awal terhadap ciri fonetik dan fonologi serta beberapa aspek linguistik lain yang diperoleh dari lima buah kampung yang terletak di sepanjang Sungai Nenggiri mendapati dialek Melayu Kelantan di kawasan tersebut memperlihatkan perbezaan yang agak ketara daripada dialek Melayu Kelantan di kawasan hilir. Penemuan ini membawa dua implikasi penting, iaitu (1) wujud pemisahan antara dialek Melayu di kawasan hulu dengan dialek Melayu di kawasan hilir di sepanjang lembangan Sungai Kelantan. Oleh sebab itu, (2) dialek Melayu di Kelantan dan Semenanjung Timur memerlukan pengelompokan yang baharu.

Kata kunci: dialek Melayu, dialek Melayu Semenanjung Timur, dialek Melayu Hulu Kelantan, dialek Melayu Kelantan, hulu dan hilir

Abstract

The Kelantan Malay dialect often leads towards one resolution, which is the Kelantan Malay dialect in Kota Bharu and its surrounding areas that are generally known as the downstream area. As a result, there is no information about the dialect spoken in the upstream area especially in the Gua Musang territory. This paper aims to evaluate this particular issue by making the Malay dialect spoken in Sungai Nenggiri, Hulu Kelantan, as the object of study. Preliminary analysis of phonetic and phonological features and other linguistic aspects of five villages located along the Nenggiri River found that the Malay dialect in the area showed significant differences from the Malay dialect spoken in the downstream area. These findings have two important implications, namely (1) separation exists between the Malay dialect in the upstream area with the Malay dialect downstream along the Kelantan River basin. As such, (2) Malay dialect in Kelantan and in the East Coast of the Peninsular require a new grouping.

Keywords: *Malay dialect, eastern Malay dialect, Hulu Kelantan Malay, Kelantan Malay, upstream and downstream*

PENGENALAN

Dialek Melayu yang dituturkan di negeri Kelantan, atau lebih dikenali sebagai dialek Melayu Kelantan, memang terkenal dengan keunikannya. Selain ciri linguistiknya yang mudah dikenal pasti kerana sangat jelas berbeza jika dibandingkan dengan dialek Melayu yang lain, faktor sosiolinguistik, khasnya kesetiaan dan kekentalan jati diri penuturnya, turut menjadi perencah tambahan pada keunikan tersebut. Kajian Siti Rahimah *et al.* (2017) ada memaparkan kecenderungan masyarakat di luar negeri Kelantan yang mahu mengasosiasikan diri mereka dengan orang Kelantan disebabkan persamaan dialek yang dituturkan. Faktor sosiolinguistik ini tentunya perlu diberikan penekanan yang khusus kerana pengaruhnya dalam mencorakkan penerimaan satu fakta, iaitu dialek Melayu Kelantan bersifat seragam.

Keseragaman dialek Melayu Kelantan memang sangat terserlah. Perkara ini ternyata turut diakui oleh masyarakat awam.¹ Berkenaan dengan hal ini, tidak kiralah orang Melayu Kelantan yang tinggal di negeri Kelantan dan kawasan di sempadan seperti Merapoh dan Besut mahupun masyarakat diaspora Kelantan yang bertebaran di seluruh Semenanjung, mereka

dipersepsikan bertutur dalam dialek yang serupa, iaitu dialek Melayu Kelantan yang am.

Idea keseragaman dialek Melayu Kelantan menyebabkan tulisan mengenainya mengambil kesendengan yang boleh dikatakan sebagai bersifat pukul rata tanpa bersandarkan pengumpulan data yang menyeluruh, yakni model dialek Melayu Kelantan yang murni ialah dialek yang dituturkan di Kota Bharu dan kawasan yang berhampirannya. Kesendengan seperti inilah yang menjadi inti pada tulisan Asmah (2008) yang membangunkan wawasan analisisnya berasaskan teori gelombang. Dalam hal ini, dialek yang dituturkan di Kota Bharu dan kawasan berhampiran juga bermaksud dialek Melayu kawasan hilir. Kesan memilih kesendengan yang menobatkan idea keseragaman menyebabkan satu masalah yang agak menggusarkan, iaitu sehingga kini pun tidak ada sebarang maklumat mengenai dialek yang dituturkan di kawasan hulu, khususnya kawasan yang berada dalam jajahan Gua Musang. Masalah inilah yang akan diberikan penekanan dalam bahagian sorotan karya.

Kewujudan keadaan seperti yang dinyatakan ini tentunya menimbulkan persoalan. Hal ini lebih-lebih lagi demikian jika tanggapan Trudgill (2011) dijadikan sandaran. Berhubung dengan perkara ini, Trudgill (2011, p. 64), menerusi gagasan tipologi sosiolinguistik, menyatakan bahawa kawasan terpencil memiliki ciri linguistik yang berbeza daripada kawasan yang berkонтак. Disebabkan kedudukan dan keterpencilan lokasinya, maka kawasan terpencil (dalam maksud Trudgill itu) dapat disinonimkan dengan kawasan hulu, dalam maksud yang cuba diketengahkan menerusi makalah ini. Oleh sebab wujud keserupaan yang sedemikian, maka kawasan hulu pasti memiliki ciri linguistik yang berbeza khususnya dengan kawasan hilir dan kawasan yang menunjukkan intensiti kontak yang tinggi.

Kajian Collins (1983a) di Hulu Terengganu misalnya telah lama mengesahkan tanggapan Trudgill ini. Dalam kajian tersebut, Collins melakarkan sekurang-kurangnya enam garis isoglos yang memisahkan dialek Melayu di Hulu Terengganu dengan dialek Melayu di kuala atau di pesisir pantai. Selain Hulu Terengganu, kajian ringkas Collins (1998) di Hulu Tembeling turut memperlihatkan penemuan yang senada dengan tanggapan Trudgill. Berhubung dengan kajian Collins ini, ternyata dialek Melayu Hulu Tembeling memiliki ciri yang sangat berbeza daripada dialek Melayu yang tersebar di sepanjang lembangan Sungai Pahang (Collins, 1998). Penemuan Collins di Hulu Tembeling disahkan pula oleh Mohd Tarmizi *et al.* (2013) dan Mohd Tarmizi (2018).

Persoalannya, dengan mengambil kira kedudukan geografi Hulu Kelantan mungkinkah dialek Melayu yang dituturkan di kawasan ini berbeza daripada dialek Melayu yang dituturkan di kawasan hilir?

Makalah ini bertujuan untuk melaporkan penemuan awal mengenai dialek Melayu yang dituturkan di kawasan hulu Kelantan. Disebabkan wujud perbezaan yang agak ketara dengan dialek di kawasan hilir seperti yang akan dibincangkan nanti, maka dialek Melayu ini secara tentatifnya akan digelar sebagai dialek Melayu Hulu Kelantan. Yang berikut ialah perkara yang akan dibincangkan dalam makalah ini, iaitu kajian dialek Melayu di lembangan Sungai Kelantan, metodologi kajian, Hulu Kelantan dari segi sejarah dan implikasi linguistik, pemerian fonem dan ciri fonologi dialek Melayu Hulu Kelantan dan persamaan dan perbezaan dialek Melayu Hulu Kelantan dengan dialek Melayu Hilir Kelantan

KAJIAN DIALEK MELAYU DI LEMBANGAN SUNGAI KELANTAN

Disebabkan tidak ada sebarang tulisan mengenai dialek Melayu di hulu Sungai Kelantan atau Hulu Kelantan, maka bahagian ini memaparkan beberapa kajian yang pernah dilakukan terhadap dialek Melayu Kelantan secara umum. Tujuan cara pandang ini diambil adalah bagi menunjukkan betapa perlunya kajian di kawasan hulu dilakukan.

Faktanya, oleh sebab keunikannya, maka dialek Melayu Kelantan berjaya menarik minat para pengkaji untuk menekuninya. Hal ini boleh dibuktikan salah satunya dengan hanya merujuk deretan kajian khususnya pada peringkat latihan ilmiah di universiti awam tempatan; lihat sorotan mengenai latihan ilmiah ini dalam Abdul Hamid (1991).

Fakta lain yang tidak kurang menarik ialah penyusunan kamus dialek Melayu yang terawal di Semenanjung ialah kamus dialek Melayu Kelantan (Abdullah al-Qari, 1981). Collins dan Husin (1988) memberikan komentar positif mengenai kamus ini apabila mereka menyatakan bahawa *Kamus Pertuturan Loghat Kelantan* merupakan sebuah kamus yang “menakjubkan” dan “memperlihatkan wawasan yang mendalam tentang fonetik dialek Kelantan.” Selain kamus, pemerian tatabahasa dialek Melayu Semenanjung yang terawal dan sistematik juga dilakukan terhadap dialek Melayu Kelantan (Abdul Hamid, 2006). Dewan Bahasa dan Pustaka tidak terkecuali dalam menyumbangkan sesuatu yang bermakna kepada kajian dialek Melayu Kelantan apabila turut menerbitkan *Glosari Dialek Kelantan* (2015) yang kini telah pun memasuki cetakan kedua.

Bermula dengan beberapa kosa kata yang dicatatkan oleh Abdullah bin Abdul Kadir Munshi,² dialek Melayu Kelantan terus-menerus mendapat perhatian oleh ramai orang, baik para sarjana bahasa maupun para pegawai kolonial British. Antara sarjana yang terawal yang membicarakan tentang dialek Melayu Kelantan ialah A. J. Sturrock (1912). Walaupun dikenali sebagai sarjana terawal yang merunut dialek Melayu Kelantan, malangnya, seperti pemerian beliau mengenai dialek Melayu Pahang (Collins, 1983b), sudut pandang yang sama masih dikekalkan bagi pemerian dialek ini. Oleh sebab itu, tidaklah menghairankan jika karangan Sturrock tersebut dianggap sebagai lemah dari segi empiris dan teoretis. Kesannya, memang banyak kritikan terhadap Sturrock, antaranya oleh Abdul Hamid (1991). Brown (1927, 1956) juga senada dengan Sturrock. Brown malah pergi lebih jauh dan ternyata lebih naif berbanding dengan Sturrock apabila mengaitkan gejala pengguguran segmen bunyi akhir dalam dialek Melayu Kelantan dengan aspek psikologi penuturnya yang dianggap sebagai pemalas.

Nik Safiah (1966, 1967, 1985) juga tidak ketinggalan dalam memerikan dialek natif beliau. Selain mendeskripsi gejala penyebaran fonem, Nik Safiah menganalisis beberapa gejala fonologi, umpamanya gejala penyingkatan konsonan nasal homorgan yang dapat dirumuskan sebagai -NK- > -K-. Dalam gejala ini, deretan konsonan yang bersebelahan, -NK- (N = konsonan nasal, K = konsonan plosif yang seartikulasi dengan nasal), disingkatkan menjadi sebuah konsonan, iaitu K (konsonan plosif yang seartikulasi dengan nasal).

Tidak semua pengkaji sepakat mengenai inventori fonem dialek Melayu Kelantan. Mungkin tafsiran mengenai sistem vokal agak seragam dengan sistem lapan vokal (Nik Safiah, 1966; Ajid, 1985; Abdul Hamid, 1991; Asmah, 2008). Walaupun demikian, terdapat pengkaji yang mencadangkan kemungkinan wujud vokal sengau yang fonemik (Collins dan Husin, 1988). Jika kemungkinan ini benar, maka tafsiran mengenai sistem lapan vokal pasti akan berubah. Namun begitu, sehingga kini pun kemungkinan yang dibangkitkan oleh Collins dan Husin itu masih dipandang sepi, walaupun Nik Safiah dan Rozita (2016, pp. 24-25) ada membincangkannya secara sepintas lalu.

Tidak seperti inventori vokal, inventori konsonan sebaliknya memperlihatkan tafsiran yang agak beragam. Keragaman tersebut berlegar sekitar tafsiran mengenai status beberapa fonem, iaitu daripada penentuan status fonem /ʃ/ yang dianggap fonemik (Collins & Husin, 1988) sehinggalah kepada tafsiran mengenai fonem [?], [ŋ] (simbol yang bermaksud bunyi-bunyi nasal) dan [w] dan [y] yang dianggap sebagai alofon (Adi Yasran, 2005).

Beberapa ciri khas dialek Melayu Kelantan turut mendapat perhatian Ismail (1973) dan Asmah (2008). Kedua-dua pengkaji ini menggunakan ciri khas berkenaan sebagai dasar pengelompokan dialek Melayu Kelantan. Walaupun membahaskan mengenai ciri khas, namun data yang dipakai oleh Ismail dan Asmah agak terbatas. Keadaan ini menyebabkan pengelompokan yang dicadangkan oleh mereka berdua mungkin boleh dipersoalkan. Disebabkan hal itulah, maka pengelompokan yang baharu telah dicadangkan oleh beberapa pengkaji seperti Ajid (2008), Ruslan (2011) dan Collins (2016a). Pengelompokan Collins dan Ruslan umpamanya agak menarik kerana meletakkan dialek Melayu Kelantan dalam perspektif yang lebih luas dengan memasukkan dialek Melayu Patani.

Daripada deretan pengkaji yang telah disebutkan, Adi Yasran merupakan yang paling produktif mengkaji dialek Melayu Kelantan. Adi Yasran menulis tesis doktor falsafah di Universiti Kebangsaan Malaysia yang membincangkan beberapa aspek fonologi dialek Melayu Kelantan. Selain penulisan tesis, Adi Yasran turut menerbitkan deretan makalah ilmiah tentang gejala fonologi dialek tersebut, antaranya Adi Yasran (2005b, 2007, 2009), dan Adi Yasran dan Zaharani (2006, 2008a, 2008b). Menerusi penilaian umum, semua makalah tersebut memperlihatkan satu kecenderungan, yakni untuk menganalisis semula beberapa ciri fonologi dialek Melayu Kelantan dengan menggunakan teori fonologi semasa seperti teori optimaliti dan teori autosegmental.

Adi Yasran tidak keseorangan dalam usaha ini. Hal ini dikatakan demikian kerana analisis teoretis yang dilakukan disambut oleh para pengkaji lain, antaranya termasuklah Sakinah *et al.* (2014) dan Sharifah Raihan (2014).

Sakinah *et al.* (2014) mengkaji satu proses fonologi yang digelar sebagai debukalisasi terhadap kata pinjaman dalam dialek Melayu Kelantan. Walaupun berjaya menunjukkan aturan rumus yang menjana proses tersebut, namun kajian ini mengabaikan satu pertanyaan yang asasi mengenai kata pinjaman itu sendiri. Adakah kata pinjaman yang dianalisis itu merupakan kata yang dipinjam secara langsung daripada bahasa Inggeris seperti yang didakwa atau yang sebenarnya kata berkenaan dipinjam menerusi bahasa Melayu? Penentuan trajektori pinjaman ini penting kerana hal ini berupaya mempengaruhi perubahan fonologi dialek sasaran.

Kajian yang dilakukan oleh Adi Yasran, Sakinah dan rakan serta Sharifah Zaleha tersebut dipersembahkan dalam bentuk teknikal dengan rumus fonologi yang kompleks. Namun begitu, betapa pun kompleks rumus sinkronik, penerapannya, pada pandangan penulis, masih tidak dapat

menyerlahkan dimensi diakronik yang berperanan penting dalam melahirkan proses semasanya. Ertinya, rumus yang ditampilkan masih belum dapat menjawab isu tentang evolusi dialek Melayu Kelantan.

Daripada kajian yang disorot, hanya kajian Asmah (1991, 2008) dan Adelaar (2005, pp. 210-211) yang cuba merungkaikan dimensi diakronik dialek Melayu Kelantan. Walau bagaimanapun,uraian mereka masih kurang memuaskan disebabkan data yang sangat terhad, malah Adelaar hanya bergantung pada data yang diperoleh daripada Ajid (1985) dan Abdul Hamid (2006).

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, jika diperhatikan perkara yang dipaparkan dalam bahagian ini, ternyata tidak ada satu kajian pun yang menyentuh tentang dialek Melayu yang terdapat di kawasan hulu lembangan Sungai Kelantan. Hal ini dikatakan demikian kerana semua kajian yang ada dan diulas di sini hanya tertumpu pada dialek Melayu yang dituturkan di kawasan hilir. Mungkin Ismail (1973) suatu kekecualian. Dalam makalah agak ringkas ini, tetapi berjaya meletakkan wawasan penelitian dialek Melayu yang bitara, Ismail menyebut tentang “*pocket dialect*” yang dikatakan dituturkan di Kampung Pulai. Jika Kampung Pulai yang dimaksudkan oleh Ismail ialah Pulai yang terdapat di Gua Musang, maka daripada deretan sarjana yang menekuni dialek Melayu Kelantan, hanya Ismail sahaja lah yang memasukkan data daripada kawasan hulu dalam analisis beliau. Walau bagaimanapun, jika Kampung Pulai bersamaan dengan Pulai, maka lokasi kampung ini berada di luar lembangan Sungai Kelantan kerana terletak jauh di daratan. Sehubungan dengan itu, dari satu aspek, Kampung Pulai berada di luar cakupan Hulu Kelantan secara utuh. Hal ini disebabkan maksud Hulu Kelantan yang terpakai dalam makalah ini ialah kawasan yang bermula daripada Bertam membawa ke Kampung Kuala Betis. Dengan kata lain, kawasan Hulu Kelantan merujuk kawasan yang diairi oleh Sungai Nenggiri (tanpa mengambil kira kampung-kampung yang terdapat di Sungai Galas).

Persoalannya, mengapa dialek Melayu di kawasan hulu tidak mendapat perhatian para sarjana? Jawapan yang agak relevan dengan soalan ini ialah idea keseragaman, iaitu negeri Kelantan memperlihatkan keseragaman dialek yang sangat utuh. Oleh sebab itu, semua orang Kelantan dianggap bertutur dalam satu dialek yang serupa tanpa ada perbezaan yang tegas. Jawapan seperti ini menimbulkan satu pertanyaan, yakni benarkah dialek Melayu di Kelantan bersifat seragam?

METODOLOGI KAJIAN

Bagi menjawab pertanyaan yang dibangkitkan, bahagian ini akan memaparkan metodologi yang diterapkan. Terdapat dua perkara yang akan dibincangkan, iaitu sumber data dan pendekatan analisis.

Pertama, sumber data. Data dialek Melayu Hulu Kelantan diperoleh di lapangan. Sebanyak lima buah kampung yang terdapat di sepanjang Sungai Nenggiri dikunjungi pada tahun 2016. Kampung tersebut ialah Kuala Betis, Pulau Stelu, Setar, Pasir Tumbuh dan Bertam. Pengumpulan data dilakukan dengan pelibatan seorang informan (yang berumur antara 40 hingga 69 tahun) untuk setiap kampung. Data dikumpul menggunakan daftar kata yang mengandungi 409 item yang disesuaikan dengan keadaan persekitaran di lembangan Sungai Nenggiri.

Kedua, pendekatan analisis. Ada dua perkara yang dianalisis dalam makalah ini, iaitu pemerian fonem dan beberapa ciri fonologi termasukkekangan fonotaktik serta persamaan dan perbezaan dialek Melayu Hulu Kelantan dengan dialek Melayu Hilir Kelantan. Berhubung dengan perkara pertama, analisis yang diterapkan ialah pendekatan sinkronik; manakala pendekatan analisis yang kedua ialah pendekatan diakronik yang menjadikan perihal inovasi dan retensi suatu ciri daripada bahasa Melayu purba (selepas ini diringkaskan kepada BMP sahaja) sebagai asasnya (Adelaar, 1992). Dengan kata lain, analisis yang diterapkan dalam makalah ini hanya menyentuh aspek struktural dialek Melayu Hulu Kelantan tanpa melibatkan bantuan teknologi umpamanya penggunaan *Geographical Information System (GIS)*.

HULU KELANTAN DARI SEGI SEJARAH DAN IMPLIKASI LINGUISTIK

Sebelum gejala linguistik dialek Melayu Hulu Kelantan dibincangkan, bahagian ini akan memaparkan terlebih dahulu perihal sejarah Hulu Kelantan dan implikasinya kepada kanvas linguistik dialek yang dituturkan oleh masyarakatnya.

Pada tahun 1954, seorang ahli arkeologi British, Gale Sieveking, melakukan kegiatan cari gali (eskavasi) di Gua Cha; sebuah gua yang terletak di tepi Sungai Nenggiri. Di situ, Sieveking menemui satu rangka manusia bersekali dengan beberapa artifak lain yang turut tertanam bersama-sama rangka tersebut. Kesemua artifak yang ditemui dianggarkan berusia 1000 tahun sebelum masih; lihat ulasan tentang penemuan tersebut dalam

Bellwood (1997) dan Zurina (2003). Selain Sieveking, seorang lagi sarjana-pentadbir British, Cant, yang terkenal menerusi karya sejarah geografi Pahang, beringau tentang “*prehistorical routes*” yang dikatakan menghubungkan lembangan sungai di Hulu Pahang, Hulu Kelantan dan Hulu Terengganu langsung ke wilayah Indo-China (Cant, 1973). Tanggapan tentang denai yang menjadi laluan manusia prasejarah mempunyai kekuatan tersendiri dalam menjelaskan laluan penyebaran Kebudayaan Hoabinhian di Semenanjung.

Walaupun demikian, kita tetap tidak sepenuhnya tahu tentang keadaan peradaban manusia ketika itu, terutamanya tentang manusia yang mengamalkan Kebudayaan Hoabinhian. Namun begitu, penemuan Sieveking dan tanggapan tentang “*prehistorical routes*” oleh Cant memberikan satu keyakinan yang agak pasti bahawa lembangan Sungai Nenggiri memang telah termasuk dalam daftar kependudukan manusia sejak sekian lama.

Sehubungan dengan itu, tidaklah menghairankan apabila para penduduk asal yang tinggal di kiri dan kanan tebing Sungai Nenggiri pada masa kini mengatakan bahawa leluhur mereka pernah memudiki sungai untuk ke Pahang atau ke Perak misalnya, atau mungkin juga untuk ke Selat Melaka melalui jalan Penarekan seperti yang pernah disebut oleh Wheatley (2010). Kegiatan merantau dari satu sungai ke sungai yang lain merupakan hal yang rutin pada suatu ketika dahulu. Yang pasti, memudiki dan menghilir sungai-sungai seperti ini ialah bayangan kegiatan yang sama sejak zaman-berzaman menjangkaui zaman prasejarah seperti yang dikatakan oleh Cant.

Kedinamikan perhubungan manusiawi di antara kawasan hulu dengan kawasan hilir, di antara pedalaman dengan pusat kebudayaan, menjadikan lembangan Sungai Nenggiri banyak dihuni oleh orang Melayu dan orang asli (terutamanya kaum Temiar di Kuala Betis). Terdapat deretan kampung Melayu di sepanjang sungai tersebut bermula di Kampung Kuala Betis dan berakhir di Bertam, dan sedikit-sedikit terdapat di kuala sungai, yakni tempat pertemuan Sungai Nenggiri dengan Sungai Galas.

Kependudukan dan sejarah setempat yang sangat kuno selain kontak manusia yang rencam pastinya mewarnai kanvas linguistik di lembangan Sungai Nenggiri; dan, kanvas berkenaan tentunya berlapis-lapis warnanya. Akan tetapi, walaupun berlapis-lapis, kanvas tersebut tetap khas. Telahan tentatif ini ternyata benar. Hal ini dikatakan demikian kerana cerapan rambang yang dilakukan dalam beberapa siri kajian lapangan menunjukkan terdapat sebuah dialek Melayu khas di lembangan sungai tersebut. Dialek yang dimaksudkan ini masih belum ditakrifkan disebabkan tiadanya usaha

pendokumentasian awalan dan analisis linguistik yang bersifat permulaan (*preliminary*). Oleh sebab itu, untuk peringkat awal ini, dialek di lembangan Sungai Nenggiri hanya dinamakan sebagai dialek Melayu Hulu Kelantan.

PEMERIAN FONEM DAN CIRI FONOLOGI DIALEK MELAYU HULU KELANTAN

Bahagian ini memaparkan pemerian fonem dialek Melayu Hulu Kelantan. Beberapa ciri fonologi turut dipaparkan selain kekangan fonotaktik.

Struktur Suku Kata

Secara umumnya, leksem dialek Melayu Hulu Kelantan terdiri daripada satu suku kata, dua suku kata dan tiga suku kata. Leksem dua suku kata merupakan bentuk asas yang paling produktif. Leksem satu suku kata dan tiga suku kata boleh terbentuk daripada kata dasar dan kata terbitan. Leksem terbitan bagi kedua-dua suku kata ini terbentuk menerusi pelaksanaan beberapa proses fonologi dan morfonologi yang tertentu.

Leksem tiga suku kata tidak begitu produktif. Mungkin tidak produktif jika dibandingkan dengan leksem bersuku kata satu. Leksem tiga suku kata dalam bahasa Melayu lazimnya disingkatkan dalam dialek Melayu Hulu Kelantan untuk menghasilkan bentuk dua suku kata. Hal ini terjadi melalui proses pemanjangan yang membentuk deretan konsonan dan/atau deretan vokal, iaitu dalam bentuk sama ada KKV KV(K) atau KVVKV(K).³ Leksem tiga suku kata terbitan pula terbentuk menerusi proses *schwa* epentesis, iaitu penyisipan vokal tengah madya di antara deretan konsonan. Yang berikut ialah contohnya:

Satu suku kata

VK	[üh] “ujaran menandakan keengganan” [ih] “ujaran menandakan rasa tidak senang”
KV	[ye] “ya, ujaran membenarkan” [giy] “pergi” [wε] “nenek”

KVK	[wəh] “partikel penegas” [dəʔ] “tidak” [nəʔ] “hendak”
-----	---

Dua suku kata

KV-KV	[kaki ^y] “kaki” [dəbu ^w] “debu” [kutu ^w] “kutu”
-------	---

KVK-VK	[tumiʔ] “tumit” [kuṇiʔ] “kunyit” [bəyah] “beras”
--------	--

KVK-KV	[tuŋguw] ”tunggu” [baʔpe] “kenapa” [taŋge] “tangga”
--------	---

KVK-KVK	[tandoʔ] ‘tando’ [timbeʔ] ~ [tembeʔ] “tembak” [ɣambuʔ] “rambut”
---------	---

K(K)V-KV4	[l:aki ^y] “lelaki; suami” [t:inə] “perempuan” [m:anə] “di mana; ke mana”
-----------	--

K(K)V-KVK	[m:ayin̩] ~ [m:ayɛn̩] ‘kelmarin’ [n:aŋih] “menangis” [n:usu?] “bersembunyi”
-----------	---

KV(V)-KV(V)	[lɛ:pa:] ~ [li:pa:] “lempar” [ta:pa:] “tampar” [tu:po] ~ [tu:pu] “tumpul”
-------------	---

KV(V)-KVK	[ma:puh] “mampus; mati” [bi:taŋ] “bintang” [cɔ:tiŋ] ~ [cu:tiŋ] “conteng”
-----------	--

Tiga suku kata

KV-KV-KVK	[j [°] γənih] “jernih”
	[b [°] γənaŋ] “berenang”
	[t [°] γəbaŋ] “terbang”

Kekangan fonotaktik dialek Melayu Hulu Kelantan ialah:

1. Hanya konsonan [?], [ŋ] dan [h] boleh hadir di akhir kata sebelum kesenyapan.
2. Vokal tengah madya hanya muncul pada posisi suku kata praakhir.
3. Deretan konsonan yang mengandungi konsonan deretan /-yb-/ perlu disisipkan dengan vokal tengah madya. Hasil penyisipan menunjukkan vokal tengah madya kadangkala kedengaran jelas dan kadangkala dilemahkan.
4. Vokal tinggi dalam suku kata akhir terbuka mengalami geluncuran peninggian atau pendiftongan.
5. Pengguguran konsonan /y/ pada posisi akhir kata meninggalkan ciri pemanjangan segmen.
6. Deretan konsonan, yakni dalam pengertian nasal homorgan atau -NK-, tidak dibenarkan, kecuali dalam deretan /-mb-/ dan /-nj-/. Penyingkatan nasal homorgan menghasilkan deretan konsonan -KK- atau vokal -VV- yang ditafsirkan sebagai pemanjangan.

Konsonan

Dialek Melayu Hulu Kelantan mempunyai 18 konsonan, iaitu: /p, b, k, g, t, d, m, n, ŋ, jŋ, s, γ, h, l, w, y/, seperti yang dipaparkan dalam inventori dalam Jadual 1:

Yang berikut ialah keterangan tentang inventori ini:

1. Terdapat enam konsonan letupan, iaitu /p/, /b/, /t/, /d/, /k/ dan /g/. Semua konsonan ini hadir pada posisi awal dan di antara vokal sebagai [p], [b], [t], [d], [k] dan [g], dan di akhir kata sebagai hentian glotis. Walau bagaimanapun, realisasi kepada [?] tidak melibatkan konsonan /b/, /d/ dan /g/. Hal ini demikian kerana ketiga-tiga konsonan ini tidak hadir pada kedudukan akhir melainkan dalam kata serapan. Antara

Jadual 1 Inventori konsonan dialek Melayu Hulu Kelantan.

		Bilabial	Dental	Alveolar	Palatal	Velar	Glotal
Letupan	Bs.	b		d		g	
	Tbs	p		t		k	
Geseran	Bs.					v	
	Tbs.			s			
Letusan	Bs.				j		
	Tbs.				c		
Sisian	Bs.			l			
Nasal	Bs.	m		n	p	ŋ	
Separuh Vokal	Bs.	w			y		

contohnya adalah seperti yang dapat dilihat dalam data daripada Kuala Betis berikut.

- [pusin] “pusing”
- [kɔpe?] “buah dada”
- [isa?] “hisap”
- [tanje] “tangan”
- [dataŋ] “datang”
- [pəyu?] “perut”

Disebabkan penyebarannya terbatas, maka hentian glotis tidak bertaraf fonem, tetapi hanya bertaraf alofon kepada konsonan letupan lain (iaitu, /p, t, k/ [?] / ____ #). Selain itu, [?] juga bersifat opsyenal. Konsonan ini digugurkan apabila dikenakan proses morfologi tertentu. Kedua-dua sifat ini boleh diuji dengan menambah imbuhan akhiran kepada kata dasar. Contohnya:

- [mase?] “masak”
- [m:asekə] “masakan”

- [taku?] “takut”
- [t:akute] “ketakutan”

Begitu juga dengan kata [k:ɛcɛ?] “bercakap” yang berakhir dengan hentian glotis. Akan tetapi, jika kata ini ditambah dengan sufiks /-an/, [?] itu tidak lagi muncul dan digantikan dengan [p]. Proses ini menghasilkan bentuk [k:ɛcɛpe] “percakapan”.

2. Terdapat tiga konsonan geseran dalam dialek Melayu Hulu Kelantan, iaitu: geseran gigi-gusi tidak bersuara, /s/; geseran glotis tidak bersuara, /h/; dan, geseran velar bersuara, /ɣ/. Geseran alveolar tidak bersuara, /s/, boleh menempati posisi awal dan di antara vokal. Pada posisi akhir, /s/ direalisasikan kepada [-h]. Geseran glotis tidak bersuara /h/ hanya hadir di kedudukan antara vokal dan akhir. Pada posisi awal, /h/ digugurkan. Kehadiran /h/ di kedudukan antara vokal tidak begitu stabil (sporadik). Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat perkataan yang memperlihatkan kemunculan /h/ dan ada juga yang tidak. Konsonan [h] di kedudukan akhir kata ialah realisasi daripada dua konsonan geseran lain, yakni /s/ dan /h/. Konsonan geseran velar bersuara /ɣ/ hadir di awal dan tengah kata. Konsonan ini digugurkan di akhir kata, lantas memperlihatkan perubahan nilai fonetik, iaitu pemanjangan vokal. Contohnya ialah data yang dikumpulkan di Kuala Betis, iaitu:

[suke] “suka”
 [m:ase?] “memasak”
 [n:apah] “bernafas”
 [pehe] “paha”
 [mu:teh] “muntah”
 [ɣage] “raga/bakul”
 [bəɣiy] “beri”

3. Terdapat dua konsonan letusan bersuara dan tidak bersuara, iaitu /c/ dan /j/. Kedua-dua konsonan ini hanya muncul di awal dan tengah kata. Contohnya: [cawɛ] “cawan”, [kacaq] “kacang”, [jəyin] “buah jering”, [panjan] “panjang”.
4. Demikian juga dengan konsonan sisian, /l/, yang hanya boleh menempati posisi awal dan tengah atau di antara vokal, tetapi digugurkan pada posisi akhir kata. Contohnya: [ləmah] “lemas”, [male] “malam”.

5. Penyebaran separuh vokal /w/ dan /y/ hanya pada posisi antara vokal. Kedua-dua fonem ini juga kelihatan pada posisi akhir, tetapi hanya ditafsirkan sebagai geluncuran. Contohnya: [bawaj] “bawang”, [bayaj] “bayang”.
6. Semua konsonan nasal, iaitu /m/, /n/, /ŋ/ dan /ɳ/, muncul di awal dan tengah kata. Konsonan nasal /m/, /n/ dan /ŋ/ menyatu kepada [ŋ] di akhir kata jika hadir selepas vokal tinggi. Walau bagaimanapun aturan ini tidak beroperasi dalam semua lingkungan. Dalam urutan bahasa Melayu /-an/ dan /-am/ umpamanya, kedua-dua nasal akhir tersebut digugurkan, lalu mengubah nilai vokal. Pada masa yang sama, nasal /ŋ/ tetap kekal sebagai [ŋ] dalam urutan /-aj/. Contohnya data yang dikumpul di Kuala Betis, iaitu:

[male] “malam”
[yumeh] “rumah”
[kiyin] “kirim”
[naŋke] “buah nangka”
[tane] “tanam”
[m:aiŋ] “bermain”
[ŋanə] “ngana”
[bayaj] “bayang”

7. Terdapat dua konsonan lain, iaitu geseran sisian, [t̪] (contohnya [t̪:iŋə] “telinga”), dan nasal yang dinyahsuarkan, [ɳ] (contohnya [ɳ:ame] “buat apa”). Walau bagaimanapun, penyebaran kedua-dua konsonan tidak meluas (yakni, hanya dalam dua contoh: untuk kata yang bererti telinga dan kata tanya apa itu sahaja), bahkan sporadik (terdapat varian yang mengekalkan bentuk [t̪'linjə]). Kecuali disokong dengan data yang lebih banyak dan meyakinkan, barulah kedua-dua konsonan ini wajar dipertimbangkan untuk dihitung dalam inventori.

Jadual 2 berikut memaparkan rangkuman penyebaran konsonan dialek Melayu Hulu Kelantan seperti yang dibincangkan.

Jadual 2 Rangkuman penyebaran konsonan dialek Melayu Hulu Kelantan.

Konsonan	Awal Kata	Antara Vokal	Akhir Kata
/p/	[p]	[p]	[?]
/b/	[b]	[b]	-
/t/	[t]	[t]	[?]
/d/	[d]	[d]	-
/k/	[k]	[k]	[?]
/g/	[g]	[g]	-
/m/	[m]	[m]	Ø ~ [ŋ]
/n/	[n]	[n]	Ø ~ [ŋ]
/ɲ/	[ɲ]	[ɲ]	Ø
/ŋ/	[ŋ]	[ŋ]	[ŋ]
/l/	[l]	[l]	Ø
/s/	[s]	[s]	[h]
/ɣ/	[ɣ]	[ɣ]	Ø
/h/	-	[h] ~ Ø	[h]
/c/	[c]	[c]	-
/j/	[j]	[j]	-
/w/	-	[w]	-
/y/	-	[y]	-

Vokal

Dialek Melayu Hulu Kelantan memiliki empat vokal, iaitu /i, a, ə, u/, seperti ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3 Inventori vokal dialek Melayu Hulu Kelantan.

	Depan	Tengah	Belakang
Tinggi	i		u
Separuh Tinggi			
Separuh Rendah		ə	
Rendah		a	

Yang berikut ialah pasangan minimal dan pasangan minimal terdekat.

- | | | |
|------------------------|------|------------------------|
| [ikɛ] “ikan” | lwn. | [ɛkɔ:] ~ [iku:] “ekor” |
| [esə?] ~ [isu?] “esok” | lwn. | [isa?] “hisap” |
| [kusu?] “kusut” | lwn. | [kasu?] “kasut” |

[buke] “buka”	lwn.	[baku] ~ [bako] “bakul”
[təle] “telan”	lwn.	[tular] “tulang”
[bəleh] “belah”	lwn.	[b:aleh] “berbalah; bergaduh”

Vokal /i/

Vokal depan tinggi /i/ boleh menempati posisi suku kata praakhir terbuka dan tertutup, selain suku kata akhir, juga terbuka dan tertutup. Dalam suku kata praakhir terbuka, yakni yang merujuk kedudukan awal kata, /i/ muncul sebagai [i] dalam semua varian dialek Melayu Hulu Kelantan yang dikaji. Contohnya:

[ike] “ikan”
[ite] “hitam”
[ilan] “hilang”
[isu?] ~ [esɔ?] “esok”
[ili:] “hilir”

Dalam kes yang lain untuk suku kata praakhir terbuka, /i/ direalisasikan dalam dua alofon, iaitu /i/ dan /ɛ/. Kemunculan alofon dalam kedudukan ini tidak begitu stabil dan bersifat sporadik. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat perkataan yang mengambil [i] sebagai realisasi vokal /i/ dalam semua varian. Selain itu, dalam perkataan tertentu, ada juga varian yang mengambil [i] dan ada yang mengambil [ɛ] sebagai realisasi vokal /i/. Contohnya:

Jadual 4 Alofon /i/ dalam suku kata praakhir terbuka.

Makna	K. Betis	P. Stelu	Setar	P. Tumbuh	Bertam
lempar	[li:pa:]	[lɛ:pa:]	[lɛ:pa:]	[li:pa:]	[lɛ:pa:]
ekor	[iku:]	[ɛku:]	[ɛku:]	[iku:]	[ikɔ:]
lebar	[li:ba:]	[lɛ:ba:]	[lɛ:ba:]	[li:ba:]	[lɛ:ba:]
ikan	[ikɛ]	[ikɛ]	[ikɛ]	[ikɛ]	[ikɛ]
hijau	[ija]	[ija]	[ija]	[ija]	[ija]
kiri	[kiyɪ̯]	[kiyɪ̯]	[kiyɪ̯]	[kiyɪ̯]	[kiyɪ̯]
mimpi	[m:ipɪ̯]	[m:ipɪ̯]	[m:ipɪ̯]	[m:ipɪ̯]	[m:ipɪ̯]

Realisasi /i/ suku kata akhir menyamai gejala suku kata praakhir. Pada kedudukan ini, vokal /i/ direalisasikan kepada tiga alofon, iaitu [i^y], [i] dan [e]. Alofon ini muncul dalam varian yang berbeza selain turut dipengaruhi oleh lingkungan tertentu. Dalam suku kata akhir terbuka, yakni di akhir kata sebelum kesenyapan, vokal /i/ direalisasikan sebagai geluncuran yang dilemahkan, iaitu [i^y]. Jika berpedoman kepada istilah Collins (1996), realisasi seperti ini disebut sebagai pendiftongan vokal tinggi. Realisasi seperti ini muncul dalam semua varian dialek Melayu Hulu Kelantan yang dikaji. Contohnya:

- [kaki^y] “kaki”
- [ati^y] “hati”
- [gigi^y] “gigi”
- [kiyi^y] “kiri”
- [daki^y] “daki”

Terdapat dua gejala yang muncul dalam suku kata akhir tertutup sebagai realisasi kepada vokal /i/. Pertama, /i/ direalisasikan secara konsisten sebagai [i]. Realisasi ini muncul dalam urutan bahasa Melayu baku /-NiK-/ (N = nasal; K = konsonan) dan /-N₁iN₂/ (N₁ = nasal sebelum dan N₂ = nasal selepas vokal). Kedua, /i/ direalisasikan kepada [i] dan [e]. Realisasi ini berbeza mengikut varian. Contohnya:

Jadual 5 Alofon vokal /i/ dalam suku kata akhir tertutup.

Makna	K. Betis	P. Stelu	Setar	P. Tumbuh	Bertam
manis	[manih]	[manih]	[manih]	[manih]	[manih]
menangis	[n:aŋih]	[n:aŋih]	[n:aŋih]	[n:aŋih]	[n:aŋih]
angin	[aŋiŋ]	[aŋiŋ]	[aŋiŋ]	[aŋiŋ]	[aŋiŋ]
pusing	[pusiŋ]	[pusen]	[pusen]	[pusiŋ]	[pusiŋ]
lihat	[kəleħ]	[kəliħ]	[kəliħ]	[kəleħ]	[kəleħ]

Vokal /a/

Vokal /a/ boleh menduduki posisi suku kata praakhir dan suku kata akhir. Dalam suku kata praakhir terbuka dan tertutup, /a/ direalisasikan kepada [a]. Realisasi seperti ini hadir dalam semua varian dialek Melayu Hulu Kelantan yang dikaji. Contohnya:

Suku kata praakhir terbuka

- [ayɛ] “ayam”
- [ati^y] “hati”
- [ayi^y] “hari”
- [taŋe] “tangan”
- [kane] “kanan”
- [dayeh] “darah”

Suku kata praakhir tertutup

- [tambəh] “tambah”
- [tamban̩] “sejenis alat pancing atau tauk”
- [tando?] “tanduk”
- [pandan̩] “pandang”
- [panjan̩] “panjang”
- [panja?] “panjat”

Vokal /a/ juga direalisasikan kepada tiga alofon dalam suku kata akhir. Alofon tersebut ialah [a], [ɛ] dan [ə]. Kemunculan alofon seperti ini seragam dalam semua varian yang terdapat di sepanjang Sungai Nenggiri. Contohnya:

Suku kata akhir terbuka

- [ayɛ] “ayam”
- [ati^y] “hati”
- [taŋe] “tangan”
- [kane] “kanan”
- [sa:pɛ] “siapa”
- [di^ya] “dia”
- [dimə] “kamu”

Suku kata akhir tertutup

- [kəyə?] “kerat”
- [tamba?] “ikat sesuatu pada sesuatu”
- [tanəh] “tanah”
- [yuməh] “rumah”
- [dayeh] “darah”

Vokal /ə/

Penyebaran vokal tengah madya agak terbatas. Hal ini dikatakan demikian kerana vokal /ə/ hanya menduduki posisi suku kata praakhir terbuka, sama ada dalam perkataan dua suku kata mahupun tiga suku kata. Semua dialek Melayu Hulu Kelantan yang dikaji memperlihatkan kehadiran /ə/ yang mematuhi aturan ini. Contohnya:

- [tələ] “telan”
- [pəyəh] “perah”
- [bəyə?] “berat”
- [kəyah] “keras”
- [bəyənaŋ] “berenang”
- [b'lakan] “belakang”

Dalam kes yang lain, vokal /ə/ digugurkan di awal kata. Oleh sebab itu, di Hulu Kelantan, terdapat contoh kata seperti [mə?] “emak”, [pa?] “empat” dan [nə] “enam”.

Vokal /u/

Gejala yang ditunjukkan oleh vokal /u/ menyamai gejala vokal /i/ yang dibincangkan sebelum ini. Berhubung dengan perkara ini, vokal /u/ boleh menduduki suku kata praakhir terbuka dan tertutup, selain suku kata akhir yang juga terbuka dan tertutup. Dalam suku kata praakhir terbuka (awal kata dan selepas konsonan awal), /u/ direalisasikan kepada [u], [o] dan [ɔ]. Akan tetapi, realisasi seperti ini memperlihatkan sifat kestabilan dan sporadik sekali gus. Dalam hal ini, ada perkataan yang mengambil [u] secara konsisten dalam semua varian, tetapi ada varian dan perkataan yang hanya mengambil [u], [o] atau [ɔ]. Contohnya dalam Jadual 6. Jadual 7 pula memaparkan alofon /u/ dalam suku kata praakhir terbuka selepas konsonan awal kata.

Vokal /u/ dalam suku kata akhir direalisasikan kepada beberapa alofon, iaitu [u], [u^w] dan [o]. Dalam suku kata akhir terbuka (akhir kata sebelum kesenyapan), /u/ memperlihatkan geluncuran yang dilemahkan, iaitu [u^w]. Geluncuran seperti ini muncul di sepanjang Sungai Nenggiri. Contohnya:

- [kuku^w] “kuku”
- [dagu^w] “dagu”

[kutu^w] “kutu”[kayu^w] “kayu”[sagu^w] “sagu”**Jadual 6** Alofon /u/ dalam suku kata praakhir terbuka (awal kata).

Makna	K. Betis	P. Stelu	Setar	P. Tumbuh	Bertam
otak	[uteʔ?]	[oteʔ?]	[oteʔ?]	[uteʔ?]	[uteʔ?]
hutan	[uteɛ]	[uteɛ]	[uteɛ]	[uteɛ]	[uteɛ]
orang	[uɣaŋ]	[ɔɣaŋ]	[oɣaŋ]	[uɣaŋ]	[uɣaŋ]
ular	[ula:]	[ula:]	[ula:]	[ula:]	[ula:]
udang	[udanŋ]	[udanŋ]	[udanŋ]	[udanŋ]	[udanŋ]

Jadual 7 Alofon /u/ dalam suku kata praakhir terbuka (selepas konsonan awal).

Makna	K. Betis	P. Stelu	Setar	P. Tumbuh	Bertam
kulit	[kuleʔ?]	[kuliʔ?]	[kuliʔ?]	[kuliʔ?]	[kuliʔ?]
mulut	[muluʔ?]	[muluʔ?]	[muluʔ?]	[muluʔ?]	[muluʔ?]
rotan	[yuteɛ]	[yoteɛ]	[yoteɛ]	[yuteɛ]	[yuteɛ]
bohong	[bubɔʔ?]	[bɔbɔʔ?]	[bobɔʔ?]	[bubɔʔ?]	[bubɔʔ?]
kulat	[kulaʔ?]	[kulaʔ?]	[kulaʔ?]	[kulaʔ?]	[kulaʔ?]

Dalam suku kata akhir tertutup, /u/ muncul dalam fon [u] dan [o]. Perhatikan data dalam Jadual 8. Jadual 9 ialah paparan rangkuman vokal yang dibincangkan di atas.

Jadual 8 Alofon /u/ dalam suku kata akhir tertutup.

Makna	K. Betis	P. Stelu	Setar	P. Tumbuh	Bertam
lutut	[luluʔ?]	[luluʔ?]	[luluʔ?]	[luluʔ?]	[luluʔ?]
pucuk	[pucoʔ?]	[pucoʔ?]	[pucuʔ?]	[pucoʔ?]	[pucoʔ?]
periok	[pu <u>y</u> uʔ?]	[pu <u>y</u> oʔ?]	[pu <u>y</u> oʔ?]	[pu <u>y</u> oʔ?]	[pu <u>y</u> oʔ?]
buruk	[bu <u>y</u> oʔ?]				
masuk	[masoʔ?]	[masoʔ?]	[masoʔ?]	[masoʔ?]	[masuʔ?]
teruk	[tə <u>y</u> oʔ?]	[tə <u>y</u> oʔ?]	[tə <u>y</u> uʔ?]	[tə <u>y</u> uʔ?]	[tə <u>y</u> uʔ?]

Jadual 9 Rangkuman penyebaran vokal dialek Melayu Hulu Kelantan.

Vokal	Suku kata praakhir	Suku kata akhir
/i/	[i] [ɛ]	[i] [i ^y] [e]
/a/	[a]	[ɛ] [ə] [a]
/ə/	[ə]	-
/u/	[u] [ɔ]	[u] [u ^w] [o] [ɔ]

Pemonoftongan dan Pendiftongan

Satu lagi gejala fonologi yang muncul di Hulu Kelantan ialah pemonoftongan dan pendiftongan. Diftong bahasa Melayu [-aw] dan [-ay] menjadi monoftong. Gejala seperti ini muncul dalam semua varian dialek Melayu Hulu Kelantan yang dikaji. Contohnya:

- [səma] “semai”
- [pəta] “petai”
- [gula] “gulai”
- [yama] “ramai”
- [pula] “pulau”
- [lima] “limau”
- [ija] “hijau”
- [ku:ba] “kerbau”

Contoh yang diberikan ini menunjukkan bahawa proses pemonoftongan segmen diftong bahasa Melayu telah menyatukan [-aw] dan [-ay] kepada [a]. Ketiadaan diftong asal yang telah berubah menjadi monoftong diganti dengan gejala yang disebut sebagai geluncuran vokal tinggi dalam suku kata akhir. Gejala ini membawa erti bahawa selepas vokal tinggi di akhir kata akan muncul segmen geluncuran yang meninggi. Dengan kata lain, vokal [i] dan [u] akan diikuti oleh segmen [y] dan [w] yang dilemahkan. Geluncuran seperti yang diuraikan ini juga terjadi dalam semua varian dialek Melayu Hulu Kelantan yang dikaji. Yang berikut merupakan contohnya:

- [api^y] “api”
- [ati^y] “hati”
- [kaki^y] “kaki”
- [gigi^y] “gigi”

[ayi^y] “hari”
 [pagi^y] “pagi”
 [aku^w] “aku”
 [kayu^w] “kayu”
 [sudu^w] “sudu”
 [m:ilu^w] “semilu”
 [duku^w] “sejenis buah sekeluarga dengan langsat/duku”
 [gayu^w] “garu”

PERSAMAAN DAN PERBEZAAN CIRI FONOLOGI DIALEK HULU DENGAN DIALEK HILIR DI LEMBANGAN SUNGAI KELANTAN

Makalah ini telah pun memaparkan pemerian fonem dialek Melayu Hulu Kelantan selain turut menyentuh secara sepantas lalu tentang ciri fonologinya. Bahagian ini pula akan membincangkan persamaan dan perbezaan ciri fonologi yang dimiliki oleh dialek Melayu Hulu Kelantan dengan dialek Melayu Hilir Kelantan. Hal ini dilakukan bagi menentukan persamaan dan perbezaan yang dimiliki oleh dialek di kedua-dua kawasan.

Dialek Melayu Kelantan

Dialek Melayu Kelantan atau dialek Melayu Hilir Kelantan ialah dialek Melayu yang dituturkan di bahagian hilir lembangan Sungai Kelantan, iaitu bermula dari Kuala Krai membawa ke kawasan pesisir pantai.⁵ Dalam makalah ini, dialek Melayu Hilir Kelantan merujuk secara khusus kepada varian Pasir Mas. Hal ini dikatakan demikian kerana sumber data mengenainya diperoleh daripada varian tersebut, yakni berdasarkan Ajid (1985). Beberapa ciri khas dialek Melayu Hilir Kelantan varian Pasir Mas dapat dikeluarkan daripada daftar kata yang dilampirkan dalam Ajid (1985). Yang berikut ialah ciri-cirinya:

1. Vokal bahasa Melayu purba (BMP) *a menjadi [ə] pada posisi akhir kata sebelum kesenyapan. Contohnya:

[suke]	“suka”
[meja]	“meja”
[paye]	“para”


[bəye]	“buaya”
[p:ale]	“kepala”

2. Vokal bahasa Melayu purba *a sebelum konsonan nasal bahasa Melayu purba *n, *m, *ŋ menjadi [ɛ]. Konsonan nasal bahasa Melayu purba digugurkan, ciri nasal kemudian berpindah kepada vokal bagi membentuk vokal yang dinasalkan. Contohnya:

[bawɛ]	“bawang”
[sa:tɛ]	“santan”
[macɛ]	“bacang”
[ikɛ]	“ikan”
[malɛ]	“malam”

3. Penyatuan diftong

Dialek Melayu Kelantan memperlihatkan penyatuan diftong, iaitu:



Contohnya:

[pula]	“pulau”
[kuba]	“kerbau”
[gula]	“gulai”
[pata]	“petai”

4. Penyingkatan nasal homorgan

Dalam dialek Melayu Kelantan, nasal homorgan yang membentuk gugus konsonan -NK- dalam sesebuah kata disingkatkan kepada -K-. Penyingkatan ini menggugurkan konsonan nasal, yang dilambangkan

dengan N, yang hadir bersebelahan dengan konsonan letupan dan geseran bersuara. Pengguguran nasal menghasilkan pemanjangan kepada segmen sebelumnya. Contohnya:

[ta:pa:]	“tampar”
[ca:ko]	“cangkul”
[tu:po]	“tumpul”
[sa:tĕ]	“santan”

5. Pemanjangan segmen awal kata

Dialek Melayu Kelantan turut memiliki ciri pemanjangan segmen pada posisi awal kata sebagai penanda morfologi. Contohnya:

[p:ałə]	“di kepala”
[t:an᷑]	“di tangan”
[k:əda]	“di/ke kedai”
[m:an᷑]	“di/ke mana”
[s:ini᷑]	“di/ke sini”
[s:itu᷑]	“di/ke situ”
[j:ale]	“berjalan”
[n:epa?]	“penyepak”
[n:apa:]	“penampar”
[d:əŋa:]	“mendengar”

6. Vokal sengau yang fonemik

Collins dan Husin (1987) serta Nik Safiah dan Rozita (2016) ada mendokumentasikan vokal nasal yang fonemik dalam dialek Melayu Kelantan. Dalam hal ini, jika benar tanggapan mereka, maka kewujudan vokal nasal tersebut boleh dianggap sebagai ciri khas dialek Melayu Kelantan. Yang berikut merupakan pasangan minimal yang membuktikan kewujudan vokal sengau yang dimaksudkan (Nik Safiah & Rozita, 2016, p. 25):

[la]	“helai”
[lā]	“keadaan menyala”
[siya]	“sembuh”
[siyā]	“manguk tingkat”

[ɛsɔʔ]	“esok”
[ɛsɔ̃ʔ]	“menginjak”
[səyeʔ]	“serak”
[səyɛʔ]	“bunyi tatkala menghirup minuman”

Dialek Melayu Hulu Kelantan

Secara umumnya, dialek Melayu Hulu Kelantan masih memperlihatkan persamaan dengan ciri dialek Melayu Kelantan yang dibincangkan di atas. Walau bagaimanapun, dua ciri dialek Melayu Kelantan tidak muncul di kawasan hulu, iaitu vokal nasal yang fonemik⁶ dan penasalan vokal BMP *a yang hadir sebelum konsonan nasal. Untuk ciri yang kedua ini, vokal BMP *a tetap muncul sebagai [ɛ], tetapi tanpa melibatkan gejala penasalan. Ketiadaan ciri ini bermakna dialek Melayu Hulu Kelantan memiliki persamaan dengan dialek Melayu Kelantan dalam empat ciri, iaitu:

1. BMP *a > [ɛ] pada posisi akhir kata
2. BMP *a > [ɛ] sebelum BMP *m, *n
3. Diftong DHSTP *-aw, *-ay menjadi [-a]
4. Penyingkatan nasal homorgan: -NK- > -K-

Walaupun memiliki persamaan dengan dialek di hilir, tetapi ternyata dialek Melayu Hulu Kelantan turut mempunyai inovasi tersendiri. Data yang dikumpulkan di lima buah kampung di sepanjang Sungai Nenggiri menunjukkan bahawa dialek Melayu Hulu Kelantan dicirikan sekurang-kurangnya oleh tiga ciri fonologi yang sangat khas, iaitu:

1. Konsonan nasal velar bahasa Melayu purba dalam urutan *-aj kekal dalam dialek Melayu Hulu Kelantan sebagai [-anj]. Contohnya:

[uŋaŋ]	“orang”
[pisanŋ]	“pisang”
[tulanŋ]	“tulang”
[bəlakaŋ]	“belakang”
[bawaŋ]	“bawang”
[səmayaŋ]	“sembahyang”
[padanŋ]	“padang”

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, di hilir semua nasal akhir kata dalam urutan -aN (N = nasal) digugurkan dan seterusnya mengubah nilai vokal BMP *a kepada [ɛ] yang dinasalkan. Walau bagaimanapun, di Hulu Kelantan, khususnya di Sungai Nenggiri, urutan -aN yang berasal daripada bahasa Melayu purba *-anj dikekalkan.

Pengguguran nasal yang mengubah nilai vokal hanya terjadi dalam urutan -aN yang berasal daripada bahasa Melayu purba *-am dan *-an. Namun begitu, berbeza daripada dialek Melayu Kelantan, vokal BMP *a ini tidak mengalami penasalan selepas konsonan nasal digugurkan. Oleh sebab itulah, di Hulu Kelantan, contoh di bawah tetap juga muncul.

[ikɛ]	“ikan”
[make]	“makan”
[təle]	“telan”
[sa:te]	“santan”
[male]	“malam”
[baye]	“bayam”
[mase]	“masam”
[n:əle]	“menyelam”

2. Pengekalan vokal tinggi bahasa Melayu purba pada posisi awal kata, iaitu: BMP *i > [i] /# ____; BMP *u > [u] /# _____. Contohnya:

[iku:]	“ekor”
[isu?]	“esok”
[miyeh]	“merah”
[ili:]	“hilir”
[ute?]	“otak”
[uyan]	“orang”
[tule?]	“tolak”
[yute]	“rotan”

Dialek di hilir mengubah kedua-dua vokal BMP *i dan BMP *u kepada [ɛ] dan [ɔ]. Contohnya ialah [ɛkɔ:] “ekor”, [ɛsɔ?] “esok”, [mɛyeh] “merah”.

3. Perubahan nilai vokal dalam preposisi lokatif /di-/ dan klitik /pa/, iaitu:

- (a) Preposisi lokatif /di/ berubah kepada [də-]
- (b) Klitik /-pa/ berubah kepada [nə]

Contohnya:

[də ^w anə]	“di mana”
[dəyuməh]	“di rumah”
[dəsunja]	“di sungai”
[dəsitu ^w]	“di situ”
[dəsini ^y]	“di sini”
[dəsane ^a]	“di sana”

bukē nə dēka? “bukannya dekat”

anə? nə “anaknya”

mase tuw nə “masa itu”

Dalam dialek Melayu Hulu Kelantan, vokal yang membentuk preposisi /di-/ berubah kepada dua bentuk. Pertama, /di-/ berubah menjadi [du-]. Antara contohnya ialah [du^wanə] “di mana”. Akan tetapi, perubahan ini tidak dominan. Yang dominan ialah bentuk kedua, yakni pemanjangan.

Contohnya:

/di rumah/	[y:uməh]
/di sunay/	[s:unja]
/di sini/	[s:ini ^y]

Vokal yang membina klitik /-pa/ dalam dialek Melayu Kelantan tidak memperlihatkan bentuk vokal tengah madya seperti dialek di hulu. Akan tetapi, vokal /a/ dalam klitik tersebut berubah kepada [-e]. Misalnya, [bukē nə] “bukannya”, [mase tu^w nə] “pada masa itu”, [sabe?nə] “sebab itu”.

Sebagai bukti tambahan bagi memperkuat bukti fonologi di atas, dipaparkan dua lagi ciri khas dialek Melayu Hulu Kelantan, iaitu penggunaan partikel [wəh] dan beberapa leksikal khas.

1. Partikel [wəh]

Kewujudan partikel [wəh] sangat khas di Hulu Kelantan. Partikel ini tidak wujud di hilir. Dari segi fungsi, partikel [wəh] hampir menyamai partikel [dəh] yang begitu meluas penggunaannya di hilir walaupun kedua-duanya tidak serupa seluruhnya. Dikatakan tidak serupa seluruhnya kerana fungsi partikel ini lebih mirip dengan partikel [wəh] dalam dialek Melayu Hulu Pahang yang hanya berperanan sebagai kata penegas. Contoh penggunaan partikel [wəh] dalam dialek Melayu Hulu Kelantan adalah seperti yang berikut:

kite niy ne? banje: dəh wəh “sekarang sudah hendak banjir”
 giy tuyuŋ wəh “pergi turun”
 aku inja? wəh “saya masih ingat”

2. Beberapa kosa kata

Dialek Melayu Hulu Kelantan turut memiliki beberapa kosa kata khas. Kosa kata ini berbeza daripada kosa kata dalam dialek Melayu Kelantan walaupun maknanya masih sama dan seakan-akan sama. Yang berikut dipaparkan beberapa contohnya dalam Jadual 10.

Jadual 10 Kosa kata khas dialek Melayu Hulu Kelantan.

Makna	DMHK	Dialek Melayu Kelantan
berbohong	[bəbɔŋ]	[n:aŋəŋ]
keadaan yang susah	[jənuh]	[pu:ah]
kamu orang	[kəmə]	[dəmə]
kita	[səmə]	[kite]
buat apa?	[t:ame]	[g:ape]~[mənde]
buat apa?	[a:i]	[g:apə]
air	[aye:]	[a:e:]
kenapanya	[ma?ŋəh]	[ba?ŋə]
kenapa	[kə?ŋəh]	[ba?ŋə]
tadi	[n:tadi ^y]	[sa?ni ^y]~[ta?di ^y]
tapi	[ke?ŋə]	[səba?ŋə]

Perbincangan di atas telah membuktikan bahawa dialek Melayu Hulu Kelantan berbeza daripada dialek Melayu Kelantan. Sehubungan dengan itu, dialek di hulu seharusnya dikategorikan sebagai sebuah cabang dialek yang berbeza daripada dialek di hilir.

KESIMPULAN

Makalah ini bermula dengan satu persoalan, iaitu berbezakah dialek Melayu yang dituturkan di kawasan hulu lembangan Sungai Kelantan dengan dialek Melayu di hilirnya? Analisis terhadap beberapa ciri linguistik yang ditemui di lima buah kampung yang terdapat di kiri dan kanan tebing Sungai Nenggiri menunjukkan kewujudan dialek Melayu yang agak berbeza daripada dialek Melayu Kelantan yang am. Perbezaan yang dimaksudkan ini sangat terserlah khususnya pengekalan nasal akhir dalam urutan BMP *-aŋ dan penggunaan banyak perkataan khas yang tiada dalam dialek di hilir. Makalah ini menggelarkan dialek yang berkenaan sebagai dialek Melayu Hulu Kelantan.

Penemuan dialek Melayu yang dituturkan oleh masyarakat asal yang menetap di sepanjang Sungai Nenggiri menafikan kefahaman yang diterima umum sebelum ini, iaitu dialek Melayu di negeri Kelantan bersifat seragam. Laporan awal yang dibentangkan dalam makalah ini menunjukkan hal yang sebaliknya bahawa tidak ada sama sekali keseragaman dialek di Kelantan. Dialek Melayu di negeri Cik Siti Wan Kembang sebaliknya wajar dilihat sebagai dialek yang dipayungi oleh dua cabang, hulu dan hilir.

Walau bagaimanapun, ciri paling khas bagi dialek Melayu Hulu Kelantan, iaitu pengekalan BMP *-aŋ, menunjukkan penyebaran yang sudah agak terbatas. Ciri ini hanya kedengaran dipakai oleh generasi tua yang juga merupakan penduduk asal kampung-kampung di Sungai Nenggiri, bukannya yang dituturkan oleh para penghuni yang merantau dari mana-mana kawasan hilir. Oleh sebab hal-hal yang seperti inilah, maka pendokumentasian dialek Melayu Hulu Kelantan secara sistematik dan menyeluruh merupakan satu cabaran yang besar. Namun begitu, harapan masih tetap ada. Kunjungan terakhir ke Kampung Kuala Betis pada 17 Julai 2018 mendapati masih ramai yang mengingati gaya pertuturan orang-orang dahulu. Sehubungan dengan itu, gerakan mendokumentasi dialek Melayu Kelantan merupakan kerja yang paling mendesak, bukan sahaja melibatkan penambahan data bagi kampung-kampung yang ada di Sungai Nenggiri, tetapi turut merangkumi kampung-kampung yang terletak di Sungai Galas.

NOTA

1. Pertanyaan yang diajukan kepada beberapa informan di Kampung Beladau Selat, Kuala Terengganu, dan beberapa informan di Kampung Dusun, Kuala Berang, ketika kajian lapangan bagi projek Semenanjung Malaysia Language Mapping pada 22 Ogos 2017 menunjukkan kewujudan persepsi tentang keseragaman dialek Melayu Kelantan. Bagi informan yang ditemui di kedua-dua kampung ini, dialek Melayu yang dituturkan di negeri Kelantan tidak menunjukkan sebarang variasi.
2. 'Abdullah (dalam Sweeney, 2005, p.141), dengan nada menyindir, menulis demikian tentang dialek Kelantan: "Syahdan darihal bahasa itu bahasa Melayu, tetapi bunyi tutur mereka itu terlalu buruk, seakan2 telornya itu seperti orang Ceti berbahasa Melayu; demikianlah adanya. Seperti kata Melayu "Allah," maka katanya "Aloh"; maka kata Melayu "sangat," katanya "sanga"'; maka kata Melayu "bulan," katanya "bulang"; "makan," katanya "makang"; "minyak," katanya "minyok"; "tuan," katanya "tuang," dan "enci'," katanya "ci"'; maka demikianlah sekalian berubah bunyinya; tetapi tulisannya bersamaan hurufnya dengan kita".
3. K = konsonan, manakala V = vokal. Kurungan di sini pula bermaksud "opsyenal", iaitu perkataan yang berakhir sama ada dengan konsonan atau vokal.
4. Penggunaan kurungan, (), adalah bertujuan untuk merujuk segmen bunyi yang dipanjangkan selepas segmen tertentu mengalami proses fonologi dan morfofonologi.
5. Beberapa informan memaklumkan bahawa dialek yang dituturkan di Dabong khasnya di Kampung Karangan dan Kampung Pemberian memiliki kelainan yang tersendiri. Walau bagaimanapun, disebabkan tidak ada sebarang dokumentasi mengenainya, hal ini kekal sebagai spekulasi.
6. Mungkin dengan data yang lebih banyak vokal nasal yang fonemik akan turut dikesan di Hulu Kelantan.

RUJUKAN

- Abdul Hamid Mahmood. (1991). *Fonem dialek Kelantan: Satu tinjauan*. Dewan Bahasa, 35(8): 697-710.
- Abdul Hamid Mahmood. (2006). *Sintaksis dialek Kelantan*. Edisi kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Abdullah al-Qari Hj. Salleh. (1981). *Kamus pertuturan loghat Kelantan*. Kota Bharu: Pustaka Asa.
- Adelaar, K. A. (1992). *Proto-Malayic: the reconstructions of phonology and parts of its morphology and lexicon. Pacific Linguistics series*. Canberra: The Australia National University.
- Adelaar, K. A. (2005). Structural diversity in the Malayic subgroup. Dalam K. A. Adelaar & Nikolaus P. Himmelmann (ed.), *The Austronesian languages of Asia and Madagascar*. London & New York: Routledge.
- Adi Yasran Abdul Aziz. (2005). Inventori konsonan dialek Melayu Kelantan: satu penilaian semula. *Jurnal Pengajian Melayu* 16, 200-217.

- Adi Yasran Abdul Aziz dan Zaharani Ahmad. (Jun 2006). Kelegapan fonologi dalam rima suku kata tertutup dialek Kelantan: satu analisis teori simpati. *Jurnal Bahasa* 6(1), 76-96.
- Adi Yasran Abdul Aziz. (2007). Syarat koda suku kata dialek Kelantan berdasarkan teori optimaliti. In Adi Yasran Abdul Aziz *et al.* (Ed.), *Cendekia*. Serdang: Jabatan Bahasa Melayu, FBMK, UPM.
- Adi Yasran Abdul Aziz dan Zaharani Ahmad. (2008a). Analisis mora dalam dialek Kelantan: Analisis tatatingkat kekangan. *Jurnal e-Bangi* 3(3), 1-16.
- Adi Yasran Abdul Aziz dan Zaharani Ahmad. (2008b). Urutan nasal-obstruen dialek Kelantan: Satu analisis teori optimaliti. *Jurnal Bahasa* (Brunei) 14, 1-19.
- Adi Yasran Abdul Aziz. (2009). Pengguguran vokal tinggi dalam urutan vokal bukan tinggi-tinggi dalam dialek Kelantan berdasarkan teori optimaliti. *Jurnal Persatuan Linguistik* 9, 26-43.
- Adi Yasran Abdul Aziz. (2011). Suku kata dasar dialek Kelantan berdasarkan teori optimaliti. *GEMA Online Journal of Language Studies* 11 (2), 121-136.
- Ajid Che Kob. (1985). *Dialek geografi Pasir Mas*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ajid Che Kob. (2008). Subklasifikasi dialek Melayu Patani-Kelantan-Terengganu: Satu analisis kualitatif. *Jurnal Melayu* 3, 12-22.
- Asmah Haji Omar. (1991). *Kepelbagaiannya fonologi dialek-dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Susur galur bahasa Melayu*. Edisi kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Brown, C. C. (1927). *Kelantan Malay papers on Malay subjects*. Singapura: Singapore Government Printers.
- Brown, C. C. (1956). Studies in country Malay. London. Sorotan oleh A. Teeuw, 1959, "Boekspreking: C. C. Brown Studies in country Malay", *BKI* 115: 292-297.
- Collins, J. T. dan Husin Dollah. 1988. Catatan fonologi Kelantan: konsonan [ʃ]. *Dewan Bahasa* 32(12), 874-887.
- Collins, J. T. (1983a). *Dialek Ulu Terengganu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Collins, J.T. (1983b). *Dialek Pahang: Rangka pengenalan*. Dewan Bahasa 27: 7-29, 99-118.
- Collins, J. T. (1996). *Khazanah dialek Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Collins, J.T. (1998). Bahasa Melayu Hulu Tembeling: Menjejaki sejarah Semenanjung. *Dewan Bahasa* 2, 145-157.
- Collins, J.T. (2016). *Wibawa bahasa: Kepiawaian dan kepelbagaiannya*. Cetakan kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Glosari dialek Kelantan*. (2016). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Ismail Hussein. (1973). Malay dialects in Malay Peninsula. *Nusantara* 3 (1), 69-79.
- Mohd Tarmizi Hasrah, Rahim Aman dan Shahidi A. H. (2013). Inovasi dan retensi dalam dialek Hulu Tembeling. *GEMA Online Journal of Language Studies* 13(3), 25-35.
- Mohd Tarmizi Hasrah. (2018). Analisis sejarah fonologi dan pengelompokan dialek Melayu hulu di bahagian timur Semenanjung Malaysia. Tesis doktor falsafah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.
- Nik Safiah Karim dan Rozita Che Rodi. (2016). *Bahasa Melayu Kelantan: Menggali ilmu menyusur warisan*. Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Nik Safiah Karim. (1966). Loghat Kelantan: Huraian fonologi dan catitan pendek mengenai sifat-sifat umumnya. *Dewan Bahasa*, jilid x, 6, 4-8.
- Nik Safiah Karim. (1967). Meninjau beberapa aspek fonologi loghat Kelantan. *Dewan Bahasa*, jilid xi, 8, 22-25.
- Nik Safiah Karim. (1985). Dialek Kelantan: satu lambang sosio-budaya wilayahnya. In Nik Safiah Karim & Wan Abdul Kadir Yusuf (Eds.), *Kelantan dalam perspektif sosio-budaya: Satu kumpulan eseи*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, UM.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Norlisafina Sanit, Zaharani Ahmad dan Harishon Radzi. 2016. Variasi kata ganti nama dialek di pesisir Sungai Perak: Analisis Geographical Information System (GIS). *GEMA Online* 16 (1), 109-123.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Maizatul Hafizah Abdul Halim, Harishon Radzi dan Junaini Kasdan. 2017. Penyebaran dialek Melayu di Langkawi: Analisis geolinguistik. *GEMA Online* 17 (4), 159-178.
- Ruslan Uthai. (2011). *Keistimewaan dialek Patani*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sakinah Naziman, Sharifah Raihan dan Mohammad Fadzeli. (2014). Debukalisasi kata pinjaman bahasa Inggeris dalam dialek Kelantan. *Jurnal Bahasa* 14(2), 272-288.
- Siti Rahimah Mustaffa, Raja Masittah Raja Ariffin, Adi Yasran Abdul Aziz dan Mohd Syarifudin Yusop. (Jun 2017). Kelestarian dialek Kelantan di Besut dan kaitannya dengan pembentukan jati diri. *Jurnal Bahasa* 17(1), 145-173.
- Strurock, A. J. (1912). Some notes on the Kelantan dialects, and some comparisons with the dialects of Perak and central Pahang. *JSBRAS* 62, 1-7.
- Sharifah Raihan Syed Jaafar. (2014). Deretan nasal-obstruen tak bersuara dan bersuara dalam dialek Kelantan. Dalam Idris Aman & Mohammed Azlan Mis (ed.), *Variasi bahasa*, 59–72. (Rampai Bahasa dan Sastera Melayu). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sweeney, A. (pnyt.). (2005). *Karya lengkap Abdullah bin Abdul Kadir Munysi*. Jilid 1. Jakarta: Kepustakaan Populer Gramedia & École française d'Extrême-Orient.

- Trudgill, P. (2011). *Sociolinguistic typology: social determinants of linguistics complexity*. Oxford: Oxford University Press.
- Wheatley, P. (2010). *The golden khersonese*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Zurina Majid. (2003). *Archeology in Malaysia*. Pulau Pinang: Pusat Penyelidikan Arkeologi, Universiti Sains Malaysia.

Diperoleh (*received*): 27 Ogos 2018

Diterima (*accepted*): 31 Oktober 2018